



**BAB EMPAT**

## **BAB EMPAT : ANALISIS AMALAN TRADISI SELEPAS KEMATIAN MASYARAKAT MELAYU NEGERI SEMBILAN**

### **4.1 Pendahuluan**

Dalam Bab Dua dan Tiga penulis telah menerangkan tentang pengurusan atau penyelengaraan yang wajib menurut hukum Islam terhadap jenazah dan amalan tradisi selepas kematian masyarakat Melayu Negeri Sembilan serta pandangan fuqaha mengenainya. Maka dalam Bab Empat ini akan dibentangkan pula tentang laporan penyelidikan yang telah dilakukan terhadap Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dengan mengambil responden di Daerah Seremban, Kuala Pilah, Tampin dan Jempol sebagai sample mewakili masyarakat Negeri Sembilan keseluruhannya. Sebanyak 150 naskhah Borang Soal Selidik telah diedarkan namun penulis hanya 100 sampel sahaja yang diterima oleh penulis.

Dalam bab 1, penulis ada menyatakan bahawa terdapat dua kaedah pengedaran borang dilakukan iaitu :

- meninggalkan kepada pegawai masjid dan akan diambil semula selepas dua minggu
- masukkan ke dalam sampul surat berstem beralamatkan penulis bagi memudahkan responden memulangkannya kembali secara pos.

Melalui kaedah pertama ada responden yang tidak mengembalikan semula borang soal selidik. Inilah di antara sebab kenapa penulis kehilangan 50 borang soal selidik yang tidak dikembalikan. Borang yang tidak dikembalikan berkemungkinan juga disebabkan masalah pos kerana responden tinggal di kawasan yang jauh dari pekan atau bandar seperti felda dan kawasan pedalaman. Boleh jadi juga ada di antara responden yang mendapat borang soal selidik tetapi tidak mengisi dan menghantarnya kembali melalui pos.

Borang soal selidik juga turut diedarkan kepada pekerja-pekerja di Jabatan Agama Daerah semasa penulis menemubual pegawai di pejabat berkenaan.

Borang tersebut diedarkan secara persampelan rawak mudah dan responden yang dipilih dianggap sama sahaja tanpa mengira lapisan umur, pekerjaan, pangkat dan sebagainya. Ada responden yang memang terlibat secara langsung tentang hal ehwal agama dan pengurusan jenazah. Pengumpulan dan analisis data ini dibuat dengan menggunakan kaedah jadual taburan kekerapan melalui perisian SPSS 9.05 for Windows.

Kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui dan menilai sejauh mana kefahaman masyarakat Islam di Negeri Sembilan tentang beberapa amalan tradisi yang lebih difokuskan tentang amalan tahlil dan kenduri arwah, bacaan surah Yāsin kepada si mati, bacaan talqin dan ziarah kubur. Analisis data bagi kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang latar belakang diri responen manakala bahagian kedua dibahagikan kepada empat bahagian berasingan

membincangkan tentang amalan tahlil dan kenduri arwah, bacaan surah Yāsin kepada si mati, bacaan talqin dan ziarah kubur.

#### **4.2 Bahagian A (Latarbelakang Responden)**

Kajian ini lebih menumpukan kepada kaum lelaki kerana mereka adalah golongan yang lebih banyak terlibat dalam urusan pengendalian jenazah serta amalan teradisi berkaitan dengan urusan selepas kematian. Jadual 4.1 di bawah menunjukkan 93 peratus adalah terdiri daripada kaum lelaki dan 7 peratus adalah mereka yang masih bujang. Ini adalah kerana tumpuan responden adalah kepada kaum lelaki berbanding perempuan. Dari sudut umur, 3 peratus adalah mereka yang berumur bawah 20 tahun, 30 peratus mereka yang berumur 21 – 40 tahun dan 67 peratus mereka yang berumur 40 tahun ke atas. 11 peratus responden masih bujang dan 87 peratus adalah dari kalangan mereka yang telah berkahwin dan 2 peratus adalah duda / janda. Dari segi tahap pendidikan 41 peratus mempunyai tahap pendidikan peringkat menengah, 24 peratus mendapat pendidikan peringkat universiti, 19 peratus pendidikan peringkat maktab / kolej / diploma, 15 peratus pendidikan peringkat rendah dan hanya 1 peratus sahaja yang tidak bersekolah. Melihat kepada statistik ini bolehlah disimpulkan bahawa jawapan yang diberi oleh responden bagi setiap soalan yang diajukan berdasarkan ilmu pengetahuan dan kefahaman mereka yang jelas kerana mendapat tahap pendidikan yang akan tinggi. Dari sudut kediaman, 60 peratus adalah penduduk kampung, 24 peratus *duduk di kawasan bandar* dan 16 peratus *tinggal di kawasan pekan kecil. Empat daerah*

yang ditumpukan oleh penulis mencatatkan 25 peratus adalah penduduk di daerah Kuala Pilah, 28 peratus penduduk daerah Jempol, 24 peratus penduduk di daerah Seremban dan 23 peratus penduduk daerah Tampin. Dari aspek pekerjaan, 48 peratus adalah mereka yang berkhidmat di sektor awam atau swasta, 33 peratus adalah mereka yang bersara atau tidak bekerja, 13 peratus yang bekerja sendiri dan 6 peratus yang masih menuntut. Kesemua maklumat berkaitan latar belakang responden adalah merujuk kepada Jadual 4.1.

**Jadual 4.1 : Latar belakang responden (maklumat responden)**

Latar belakang	Bilangan responden (N)	Peratus	Jumlah
Jantina	Lelaki	93	93
	Perempuan	7	7
Umur	< 20	3	3
	21 - 40	30	30
	> 40	67	67
Taraf perkahwinan	Bujang	11	11
	Berkahwin	87	87
	Duda / janda	2	2
Tahap pendidikan	Tidak bersekolah	1	1
	Sekolah rendah	15	15
	Sekolah menengah	41	41
	Maktab / kolej / diploma	19	19
	Universiti	24	24
Kediaman	Kampung	60	60
	Pekan kecil	16	16
	Bandar	24	24
Daerah kediaman	Seremban	24	24
	Kuala Pilah	25	25
	Tampin	23	23
	Jempol	28	28
Pekerjaan	Tidak bekerja / bersara	33	33
	Sendiri	13	13
	Awam / swasta	48	48
	Penuntut	6	6

Sumber : Soal selidik.

#### **4.3 Bahagian B (Amalan tahlil dan kenduri arwah)**

Jadual 4.2 di bawah menunjukkan bahawa majoriti responden menyatakan di tempat mereka diadakan majlis bacaan tahlil dan kenduri arwah selepas kematian. Ini menunjukkan bahawa amalan ini memang berlaku secara meluas di kebanyakan tempat di Negeri Sembilan. Ia mencatatkan peratus yang tinggi iaitu 99 peratus dan hanya 1 peratus sahaja yang menjawab amalan tersebut kadang-kadang dilakukan, mungkin kerana responden tersebut jarang menghadiri majlis tahlil dan kenduri arwah.

**Jadual 4.2 : Adakah diadakan majlis tahlil dan kenduri arwah?**

<b>Adakah diadakan majlis tahlil dan kenduri arwah ?</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ya	99	99
Tidak	0	0
Kadang-kadang	1	1
Tidak tahu	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.4 Kehadiran ke majlis tahlil dan kenduri arwah**

Jadual 4.3. di bawah menunjukkan tentang kehadiran responden ke majlis tahlil dan kenduri arwah. 75 peratus responden mencatatkan kehadiran yang kerap ke majlis tahlil dan kenduri arwah. Ini menunjukkan ramai responden yang hadir ketika tahlil dan kenduri arwah dijalankan. Ada juga responden yang jarang menghadirinya iaitu 24

peratus menyatakan kadang-kadang dan hanya 1 peratus sahaja yang mencatatkan tidak hadir ke majlis tersebut. Ini menjelaskan bahawa amalan mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah memang masyhur pengamalannya di Negeri Sembilan.

**Jadual 4.3 : Kekerapan hadir ke majlis tahlil dan kenduri arwah.**

Kehadiran ke majlis tahlil dan kenduri arwah	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Ya	75	75
Tidak	1	1
Kadang-kadang	24	24
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.5 Pendapat tentang adakah majlis tahlil dan kenduri arwah mesti dilakukan selepas kematian.**

Jadual 4.4 pula menjelaskan tentang pendapat responden adakah majlis tahlil dan kenduri arwah itu mesti dilakukan selepas kematian seseorang. 41 peratus responden menyatakan ianya mesti dilakukan, 58 peratus responden menyatakan bahawa ia bukanlah satu kemestian manakala 1 peratus responden tidak pasti. Peratusan yang hampir seimbang antara pendapat “mesti” dan “tidak mesti” dilakukan mungkin kerana berbezanya pemahaman yang dipegang oleh setiap responden. Kebanyakan masyarakat kampung memahami perkataan mesti itu adalah wajib iaitu mesti dilakukan dan jika ditinggalkan akan mendapat dosa. Maka apabila kebanyakan anggota masyarakat mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah selepas kematian menyebabkan timbul pandangan di kalangan masyarakat bahawa ianya adalah mesti dilakukan. Jika

tidak dilakukan seolah-olah menyalahi pendapat majoriti masyarakat dan boleh dianggap sebagai satu kesalahan. Mungkin juga kerana malu tidak melakukan apa yang dibuat oleh masyarakat sekeliling menyebabkan timbulnya pendapat amalan tahlil dan kenduri arwah mesti diadakan. Ada juga responden yang memahami bahawa amalan tahlil dan kenduri arwah bukanlah satu kemestian tetapi ia satu amalan yang digalakkkan. Ia mewakili 58 peratus responden. Pemahaman yang berbeza terhadap tafsiran wajib, sunat dan harus menyebabkan jawapan yang diberikan responden juga turut berbeza.

**Jadual 4.4 : Pendapat tentang adakah majlis tahlil dan kenduri arwah mesti dilakukan selepas kematian.**

Adakah majlis tahlil dan kenduri arwah mesti dilakukan selepas kematian?	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Ya	41	41
Tidak	58	58
Tidak tahu / tidak pasti	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### 4.6 Pendapat responden tentang adakah majlis tahlil dan kenduri arwah diadakan kerana hukum syarak atau adat semata-mata atau ia satu perbuatan bid'ah.

Jadual 4.5 mencatatkan pendapat responden tentang adakah majlis tahlil dan kenduri arwah diadakan kerana hukum syarak atau adat semata-mata atau ia satu perbuatan bid'ah. 47 peratus responden menyatakan bahawa amalan tahlil dan kenduri arwah adalah adat semata-mata yang diwarisi dari generasi ke generasi dan 44 peratus

menjawab ianya adalah berdasarkan hukum syarak. Melihat kepada kedua-dua jawapan ini kemungkinan ia berdasarkan kepada kefahaman masyarakat tentang amalan tersebut menyebabkan berlaku kekeliruan dalam menyatakan hukum amalan tersebut sama seperti analisis penulis pada jadual 4.4. Pendapat yang menyatakan ianya adalah berasaskan hukum syarak kerana masyarakat meyakini banyak manfaat yang boleh diperolehi daripada perbuatan tersebut. Kebetulan pula telah masyhur di kalangan masyarakat Negeri Sembilan bahawa amalan tersebut adalah sunat separtimana yang pernah disebutkan oleh Mufti Kedua Kerajaan Negeri Sembilan Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail. Manakala mereka yang berpendapat ianya adalah adat kerana amalan tersebut telah lama mendasari kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman dan mereka hanya meneruskan sahaja mengikut kebiasaan masyarakat lain. Jawapan dari para responsen berkaitan dengan persoalan ini juga menggambarkan berbezanya pemahaman mereka terhadap konsep wajib, sunat dan harus dalam melaksanakan sesuatu amalan. 2 peratus sahaja yang menyatakan ianya bid'ah mungkin kerana keliru samada ianya bid'ah yang baik atau yang buruk. dan 7 peratus menjawab tidak tahu atau tidak pasti.

**Jadual 4.5 : Pendapat responden tentang adakah majlis tahlil dan kenduri arwah diadakan kerana hukum syarak atau adat semata-mata atau ia satu perbuatan bid'ah.**

Sandaran hukum majlis tahlil dan kenduri arwah hukum diadakan	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Hukum syarak	44	44
Adat	47	47
Bid'ah	2	2
Tidak tahu / tidak pasti	7	7
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.7 Hukum mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah.**

Jadual 4.6 pula menjelaskan pendapat responden tentang hukum mengadakan majlis tahlil dan kenduri. Penulis meletakkan lima hukum iaitu wajib, sunat, harus, makruh atau haram untuk dinilai oleh responden. Hanya jawapan sunat dan harus sahaja yang menjadi pilihan iaitu 45 peratus responden berpendapat hukumnya adalah sunat manakala 55 peratus responden berpendapat hukumnya adalah harus. Sememangnya telah masyhur dan tersebar di kalangan masyarakat di Negeri Sembilan bahawa amalan tersebut hukumnya adalah sunat kerana pernah dinyatakan oleh Mufti Kedua Kerajaan Negeri Sembilan dalam buku himpunan fatwanya. Ini menyebabkan masyarakat berpegang kepada hukumnya mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah adalah sunat. Ini ada kaitannya dengan jawapan terdahulu responden terhadap jadual 4.4 dan 4.5. Manakala 55 peratus responden yang menyatakan hukumnya adalah harus adalah berkemungkinan pemahaman mereka tentang konsep mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah adalah satu adat dan ianya harus diadakan.

**Jadual 4.6 : Hukum mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah**

<b>Hukum mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah hukum</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Wajib	0	0
Sunat	45	45
Harus	55	55
Makruh	0	0
Haram	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.8 Adakah diadakan tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut?**

Merujuk kepada jadual 4.7, ia berkaitan dengan soalan adakah diadakan majlis tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut di tempat responden. 92 peratus jawapan ya, 6 peratus jawapan tidak dan 2 peratus menjawab tidak tahu atau tidak pasti. Ini bermakna amalan kenduri tiga hari berturut-turut memang banyak diadakan di merata tempat di Negeri Sembilan. Pengalaman penulis sendiri melalui pertanyaan kepada penduduk kampung dan sahabat handai di pelbagai tempat, serta penjelasan daripada Pegawai Agama daerah dan Dato' Mufti memang membenarkan jawapan dari responden.

**Jadual 4.7 : Soalan tentang adakah diadakan tahlil dan kenduri arwah 3 hari berturut-turut?**

<b>Adakah diadakan tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut?</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ya	92	92
Tidak	6	6
Tidak tahu / tidak pasti	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.9 Kehadiran ke majlis tahlil dan kenduri arwah yang diadakan tiga hari berturut-turut.**

Jadual 4.8 adalah berkaitan dengan kehadiran responden ke majlis kenduri arwah dan tahlil yang diadakan selama tiga hari berturut-turut di tempat kediaman masing-masing. Kebanyakan responden sentiasa menerima jemputan keluarga si mati

jika diadakan majlis tersebut. Ini berdasarkan catatan penulis bahawa banyak kampung yang mempunyai kumpulan "arwah" yang apabila berlaku sesuatu kematian, mereka lah yang sebenarnya ahli tetap bagi sebarang majlis tahlil dan kenduri arwah samada yang dilakukan tiga hari atau sebagainya. 54 peratus responden menyatakan "ya" sebagai bukti kehadiran mereka ke majlis tersebut. Kehadiran mereka disebabkan kerana jemputan dari tuan tumah dan sebagai anggota masyarakat mereka betanggungjawab memenuhi jemputan tersebut. Mungkin juga kerana mahu mendapatkan pahala dan membuat amal jariah membaca tahlil dan seterusnya mendoakan kesejahteraan arwah yang telah meninggal dunia. 43 peratus menyatakan kadang-kadang. Ini tidak bermakna mereka tidak hadir cuma kehadiran yang tidak begitu kerap dan 3 peratus menyatakan tidak hadir mungkin kerana tidak bersetuju dengan amalan tersebut atau boleh jadi juga responden adalah dari kalangan golongan muda yang tidak begitu mengambil tahu tentang majlis tahlil dan kenduri arwah.

**Jadual 4.8 : Kehadiran ke majlis tahlil dan kenduri arwah yang diadakan tiga hari berturut-turut.**

Kehadiran ke majlis tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut?	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Ya	54	54
Tidak	3	3
Kadang-kadang	43	43
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.10 Adakah diadakan tahlil dan kenduri arwah hari ke 7, 40 dan 100?**

Jadual 4.9 berkaitan dengan soalan adakah diadakan majlis tahlil dan kenduri arwah di tempat responden pada hari ke 7, 40 dan 100 kematian. 25 peratus responden menjawab "ya", 57 peratus menyatakan tidak dan 18 peratus responden tidak tahu atau tidak pasti samada ianya diadakan atau pun tidak. Peratusan yang tinggi pada jawapan tidak mengadakan majlis tahlil hari ke 7, 40 dan 100 iaitu sebanyak 57 peratus menunjukkan bahawa amalan tersebut sudah semakin berkurangan berbanding dengan amalan tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut. Kebanyakan daripada responden tersebut adalah yang tinggal di kawasan bandar. Ini berkemungkinan penduduk bandar sudah semakin kurang menghidupkan amalan tersebut berbanding masyarakat kampung.

**Jadual 4.9 : Adakah diadakan tahlil dan kenduri arwah hari ke 7, 40 dan 100?**

Adakah diadakan majlis tahlil dan kenduri arwah hari ke 7, 40 dan 100?	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Ya	25	25
Tidak	57	57
Tidak tahu / tidak pasti	18	18
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

**4.11 Adakah tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut hari ke 7, 40, dan 100 diadakan berdasarkan hukum syarak, adat atau bid'ah?**

Jadual 4.10 adalah pendapat responden tentang amalan majlis tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut, hari ke 7, 40 dan 100 adakah semua itu diadakan berdasarkan hukum syarak, adat atau satu amalan bid'ah. Soalan ini ditujukan untuk mendapatkan maklumat responden tentang kefahaman dan pengetahuan mereka tentang

apa yang mereka amalkan samada ada sandaran dalil atau mengikut sahaja apa yang telah sekian lama diamalkan oleh generasi terdahulu. 56 peratus menjawab ianya adalah adat sahaja, 18 peratus menyatakan bid'ah, 17 peratus menjawab ia berdasarkan hukum syarak dan 9 peratus tidak tahu atau tidak pasti. Peratusan yang tinggi terhadap jawapan "adat yang diwarisi" memberi makna bahawa majoriti responden beranggapan bahawa amalan kenduri arwah hari ke 7, 40 dan 100 bukanlah amalan berasaskan hukum syarak kerana tiada sandaran nas dan dalil yang menganjurkannya. Peratusan ini menunjukkan bahawa responden masih kurang jelas pandangan hukum terhadap amalan mengadakan tahlil pada hari-hari tersebut. Mereka yang berpendapat ianya berasaskan hukum syarak mungkin berpendirian bahawa amalan tersebut tidak mendapat halangan dan tegahan dari pihak yang berwajib dalam urusan hal ehwal Islam di Negeri Sembilan lantas meneruskan sahaja amalan itu. Peratusan yang tinggi kepada responden yang berpendapat ianya adat menunjukkan kefahaman masyarakat yang semakin baik dalam membezakan mana amalan yang dituntut syarak dan sebaliknya.

**Jadual 4.10 : Adakah tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut, hari ke 7, 40, dan 100 diadakan berdasarkan hukum syarak, adat atau bid'ah?**

Sandaran hukum atau dalil amalan majlis tahlil dan kenduri arwah tiga hari berturut-turut, hari ke 7, 40 dan 100.	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Berasaskan hukum syarak	17	17
Adat yang diwarisi	56	56
Amalan bid'ah	18	18
Tidak tahu / tidak pasti	9	9
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal selidik*

#### **4.12 Adakah anda setuju majlis tahlil dan kenduri arwah diteruskan?**

Jadual 4.11 menjelaskan tentang pandangan responden adakah mereka bersetuju majlis tahlil samada tiga hari berturut-turut, hari ke 7, 40 dan 100 diteruskan atau tidak. 64 peratus bersetuju ianya diteruskan, 32 peratus tidak setuju ianya diteruskan manakala 4% mewakili jawapan tidak tahu atau tidak pasti. Kemungkinan 64 peratus itu adalah dari kalangan mereka memang bersetuju ianya diteruskan samada mereka menyatakan amalan tersebut berdasarkan hukum syarak mahupun adat semata-mata. Walaupun ianya adalah masyarakat, tetapi tidaklah bermakna ianya patut dihentikan begitu sahaja. Amalan yang menjadi adat kebiasaan jika tidak bercanggah dengan hukum syarak wajar diteruskan. Responden bersetuju ianya diteruskan mungkin beranggapan bahawa amalan tersebut banyak manfaatnya samada kepada si mati mahupun kepada mereka yang masih hidup samada untuk kebaikan individu atau masyarakat setempat. Sesungguhnya rakyat di Negeri Sembilan amat mengambil berat persoalan hidup bermasyarakat termasuk dalam hal yang berkaitan dengan kenduri arwah dan bacaan tahlil.

**Jadual 4.11 : Adakah majlis tahlil dan kenduri arwah wajar diteruskan?**

<b>Adakah majlis tahlil dan kenduri arwah wajar diteruskan?</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Setuju	64	64
Tidak setuju	32	32
Tidak tahu / tidak pasti	4	4
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

**4.13. Hujah dan alasan mereka yang membenarkan majlis tahlil dan kenduri arwah diadakan dan diteruskan.**

Jadual 4.12 di bawah adalah hujah dari responden kenapakah mereka bersetuju majlis tahlil dan kenduri arwah diteruskan. Untuk soalan ini sebenarnya responden dikehendaki memberi alasan sendiri secara bertulis. Berdasarkan semua jawapan responden, penulis telah rangkumkan kepada empat jawapan yang hampir sama bagi setiap jawapan supaya mudah dianalisa. 48 peratus responden menyatakan ia wajar terus diadakan dan diamalkan kerana sebagai alternatif bantuan orang yang masih hidup kepada si mati melalui sedekah pahala bacaan tahlil dan kenduri arwah. 18 peratus responden berpendapat ia sebagai peluang kepada orang hidup untuk mendoakan kesejahteraan si mati di alam kubur. 14 peratus menjawab sebagai langkah untuk mengumpulkan sanak saudara bagi merapatkan silaturahim di samping berkongsi kesedihan. 19 peratus responden mewakili meraka yang berpendapat ia wajar diteruskan kerana tahlil dan kenduri arwah adalah satu amalan mulia di sisi agama dan tiada tegahan bagi ia terus diamalkan. Semua jawapan ini boleh diterima dan penulis dapat membuat kesimpulan bahawa majoriti masyarakat Melayu Negeri Sembilan bersetuju dengan amalan tahlil dan kenduri arwah ini dengan pelbagai hujah yang boleh diterima hukum dan akal. 1 peratus responden tidak memberi sebarang jawapan terhadap soalan yang diajukan.

**Jadual 4.12 : Hujah dan alasan mereka yang membenarkan majlis tahlil dan kenduri arwah diadakan dan diteruskan.**

Hujah dan alasan yang membenarkan majlis tahlil dan kenduri arwah diadakan dan diteruskan.	Bilangan Responden (N)	Peratus (%)
Bantuan kepada si mati melalui sedekah pahala kepadanya	48	48
Mendoakan kesejahteraan si mati di alam kubur	18	15
Berkumpul merapatkan silaturahim sesama keluarga	14	4
Perbuatan mulia di sisi agama, tiada tegahan dari ulama	19	18
Tiada jawapan	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

**4.14. Hujah dan alasan mereka yang berpendapat majlis tahlil dan kenduri arwah tidak harus diadakan dan diteruskan.**

Jadual 4.13 di bawah adalah alasan responden kenapakah mereka tidak bersetuju amalan majlis tahlil dan kenduri arwah diteruskan. Soalan yang dikemukakan juga mengkehendaki responden menulis pendapat mereka secara bertuliskan. Untuk soalan ini, ada responden yang menulis alasan kenapa mereka tidak setuju diteruskan amalan tahlil walaupun dalam masa yang sama mereka turut memberi hujah kenapa amalan tersebut wajar diteruskan. Maknanya responden menulis kedua-dua jawapan kepada soalan-soalan tersebut. Penulis berpendirian bahawa jawapan mereka tetap diterima kerana ada logiknya setiap alasan yang dikemukakan itu. 32 peratus responden

berpendapat amalan tahlil dan kenduri arwah tidak wajar diteruskan kerana ia satu amalan bid'ah yang tidak disuruh baginda lantaran baginda sendiri tidak mengamalkannya. 2 peratus responden berpendapat sedekah pahala yang dibaca semasa tahlil tidak sampai kepada si mati, maka tiada manfaat ianya dilakukan.

**Jadual 4.13: Hujah dan alasan mereka yang berpendapat majlis tahlil dan kenduri arwah tidak harus diadakan dan diteruskan.**

Hujah dan alasan yang kenapa majlis tahlil dan kenduri arwah tidak harus diadakan dan diteruskan.	Bilangan Responden (N)	Peratus (%)
Sedekah pahala bacaan tidak sampai dan tidak bermanfaat kepada si mati	2	2
Ia amalan bid'ah dan tiada dalil yang mengharuskan	32	32
Tiada jawapan	66	66
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal selidik*

#### **4.15 Bahagian C (Amalan bacaan surah Yāsin kepada si mati)**

Jadual 4.14 adalah mengenai pengamalan masyarakat Melayu Negeri Sembilan selepas kematian iaitu membaca surah Yāsin untuk dihadiahkan kepada orang yang telah meninggal dunia. Jadual menunjukkan bahawa 100 peratus responden menyatakan di tempat mereka memang ada dilakukan majlis bacaan surah Yāsin untuk disedekahkan pahalanya kepada si mati. Ini memberi maksud amalan tersebut diamalkan begitu meluas di Negeri Sembilan samada masyarakat kampung maupun bandar.

**Jadual 4.14 : Adakah diadakan majlis bacaan surah Yāsin kepada si mati?**

<b>Adakah diadakan majlis bacaan surah Yāsin kepada si mati?</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ya	100	100
Tidak	0	0
Tidak tahu / tidak pasti	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.16 Kehadiran ke majlis bacaan surah Yāsin selepas kematian.**

Jadual 4.15 pula adalah kehadiran anggota masyarakat ke majlis bacaan Yāsin selepas kematian. 73 peratus responden menyatakan kehadiran mereka dalam majlis bacaan Yāsin dan 27 peratus menjawab kadang-kadang. Peratusan yang tinggi bagi responden yang menghadirkan diri dalam majlis bacaan surah Yāsin kepada si mati membuktikan kenyataan amalan tersebut memang telah sebatи dalam masyarakat. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Negeri Sembilan mempunyai sifat tanggungjawab yang tinggi terhadap mereka yang telah meninggal dunia

**Jadual 4.15 : Kehadiran ke majlis bacaan surah Yāsin selepas kematian.**

<b>Kehadiran ke majlis bacaan Yāsin.</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ya	73	73
Tidak	0	0
Kadang-kadang	27	27
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.17 Hukum mengadakan majlis bacaan surah Yāsin selepas kematian.**

Jadual 4.16 adalah berkaitan dengan pandangan responden tentang hukum mengadakan majlis bacaan surah Yāsin selepas kematian. 54 peratus responden berpendapat hukumnya ialah sunat, 44 peratus responden beranggapan hukumnya ialah harus dan ada 2 peratus responden berpendapat hukumnya adalah wajib. Tiada responden menyatakan hukumnya haram atau makruh. Ketiga-tiga jawapan harus, sunat dan wajib menjelaskan mereka bersetuju majlis bacaan surah Yāsin diadakan. Jawapan responden yang berbeza menunjukkan pengetahuan mereka terhadap hukum amalan bacaan surah Yāsin kepada si mati juga adalah berbeza bergantung kepada pemahaman mereka terhadap konsep hukum wajib, sunat dan harus. Apabila ianya lazim dilakukan selepas kematian, mungkin ada responden menyangka hukumnya adalah wajib dan sunat. Bagi mereka yang memahami bahawa amalan tersebut adalah satu adat masyarakat yang baik serta tidak bercanggah dengan syarak maka mereka menyatakan bahawa hukumnya adalah harus sahaja. Sebagai kesimpulan, majoriti responden berpendapat amalan tersebut boleh dilakukan dan mendatangkan manfaat.

**Jadual 4.16 : Hukum mengadakan majlis bacaan Yāsin selepas kematian**

Hukum mengadakan majlis bacaan Yāsin kepada si mati?	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Wajib	2	2
Sunat	54	54
Harus	44	44
Makruh	0	0
Haram	0	0

<b>Jumlah</b>	100	100
---------------	-----	-----

Sumber : Soal selidik

**4.18 Adakah amalan bacaan surah Yāsin selepas kematian meluas di tempat responden?**

Jadual 4.17 menjelaskan tentang meluasnya amalan membaca Yāsin selepas kematian seseorang. 92 peratus responden menyatakan bahawa amalan tersebut diamalkan secara meluas. Responden yang mewakili 8 peratus menyatakan ianya tidak meluas menunjukkan bahawa tidak semua tempat mengadakan majlis bacaan surah Yāsin selepas kematian. Ini adalah kerana di sesetengah tempat contohnya di Seremban hanya mengadakan majlis tahlil dan kenduri arwah sahaja tetapi tidak dibacakan surah Yāsin. Namun begitu secara keseluruhannya kebanyakan tempat mengadakan majlis bacaan surah Yāsin dan bacaan tahlil pada waktu yang sama.

**Jadual 4.17 : Adakah amalan bacaan Yāsin selepas kematian meluas di tempat responden?**

Adakah mengadakan majlis bacaan Yāsin kepada si mati meluas di tempat anda?	Bilangan Responden (N)	Peratus (%)
Meluas	92	92
Tidak meluas	8	8
Tidak ada langsung	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

**4.19 Adakah amalan membaca surah Yāsin kepada si mati diadakan berdasarkan hukum syarak, adat atau satu amalan bid'ah?**

Jadual 4.18 dibawah adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada responden berkaitan dengan peraturan mereka terhadap amalan bacaan surah Yāsin kepada si mati itu adakah ianya diadakan berdasarkan hukum syarak, adat atau ianya satu amalan bid'ah. 57 peratus responden menyatakan majlis bacaan surah Yāsin diadakan berdasarkan kepada hukum syarak. Ini berasaskan keyakinan mereka bahawa pahala bacaan tersebut sampai kepada si mati. Sesungguhnya sedekah pahala bacaan surah Yāsin kepada si mati boleh membantu meringankan penderitaannya di alam barzakh. Lebih meyakinkan apabila majlis tersebut dipimpin oleh orang yang mempunyai asas pengetahuan agama yang baik seperti ustaz dan imam serta tiada larangan dan tegahan daripada mereka. 33 peratus responden menyatakan ia adalah adat yang diwarisi dari generasi sebelumnya dan bukannya satu suruhan syarak. 3 peratus menyatakan ia satu amalan bid'ah. Golongan ini mungkin menganggap perbuatan tersebut tidak wajar dilakukan kerana tidak dibuat oleh Rasulullah yang tidak pernah mengumpulkan para sahabat di rumah orang yang telah meninggal dunia dan membaca surah Yāsin kepadanya. Mungkin juga ada responden yang tidak begitu memahami kehendak soalan kerana ada yang menulis *bid'ah hasanah* (bid'ah yang baik) pada borang soal selidik. 7 peratus responden tidak tahu atau tidak pasti sandaran hukum amalan tersebut diadakan mungkin pengetahuan yang kurang jelas terhadap hukum hakam agama.

**Jadual 4.18 : Adakah amalan membaca surah Yāsin kepada si mati diadakan berasaskan hukum syarak, adat atau satu amalan bid'ah?**

Sandaran hukum atau dalil amalan bacaan surah Yāsin kepada si mati.	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Berasaskan hukum syarak	57	57
Adat yang diwarisi	33	33
Amalan bid'ah	3	3
Tidak tahu / tidak pasti	7	7
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal selidik*

#### **4.20 Adakah anda setuju majlis bacaan surah Yāsin kepada si mati diteruskan?**

Jadual 4.19 adalah lanjutan dari soalan sebelumnya iaitu adakah responden bersetuju amalan bacaan Yāsin kepada si mati diteruskan. Majoriti responden bersetuju ianya diteruskan dengan catatan sebanyak 98 peratus, 1 peratus mewakili responden yang tidak bersetuju ia diteruskan dan 1 peratus juga menyatakan tidak tahu atau tidak pasti. Peratus yang tinggi menunjukkan bahawa amalan tersebut amat wajar diteruskan kerana manfaat yang sangat besar dan banyak faedahnya samada kepada mereka yang telah meninggal dunia maupun yang masih hidup. Kewajaran pendapat responden boleh dirujuk pada perkara 4.20 jadual 4.21 dan perkara 4.23 jadual 4.22 kerana responden memberikan pandangan secara bertulis kenapakah majlis bacaan surah Yāsin wajar diteruskan ataupun tinggalkan.

**Jadual 4.29 : Hujah dan pendapat bacaan talqin tidak wajar diteruskan.**

Hujah dan pendapat kenapa bacaan talqin tidak wajar dilakukan dan diteruskan.	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Tiada jawapan	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.31 Bahagian E (Amalan ziarah kubur)**

Jadual 4.30 berkaitan peratus responden yang menziarahi kubur. 56 peratus responden menjawab selalu dan kerap menziarahi kubur manakala 44 peratus responden menyatakan pernah menziarahi kubur tetapi sekali sekala sahaja. Jadual menunjukkan semua responden pernah menziarahi tanah perkuburan dan bolehlah disimpulkan bahawa amalan ini telah sebatи dalam pengamalan masyarakat Negeri Sembilan.

**Jadual 4.30 : Kekerapan menziarahi kubur.**

Pernahkah anda menziarahi tanah perkuburan?	Bilangan responden	Peratus (%)
Pernah dan selalu	56	56
Pernah dan sekali sekala	44	44
Tidak pernah	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

**4.22 Pendapat responden kenapakah majlis bacaan surah Yāsin harus dilakukan dan diteruskan.**

Jadual 4.21 menjelaskan tentang hujah yang dikemukakan oleh responden terhadap persoalan kenapakah mereka berpendapat bahawa amalan bacaan surah Yāsin kepada si mati wajar diteruskan dan menjadi amalan tetap masyarakat. Untuk soalan ini, responden juga telah diminta untuk menulis sendiri pandangan mereka secara bertulis dan dikelaskan sendiri oleh penulis berdasarkan jawapan yang mereka kemukakan. 53 peratus menyatakan ia harus dan wajar dilakukan kerana ia adalah untuk sedekah pahala bacaan tersebut kepada si mati dan ia akan sampai kepadanya. 23 peratus menulis kerana ia adalah amalan yang dituntut agama. 9 peratus menjawab kerana Rasulullah mengalakkan agar dibaca surah Yāsin kepada orang yang telah meninggal dunia. 8 peratus menyatakan surah Yāsin elok dibaca kerana fadilatnya yang besar. 3 peratus responden berpandangan majis tersebut elok diadakan sebagai langkah untuk mengumpulkan ahli keluarga dan penduduk kampung bagi merapatkan silaturahim. 3 peratus juga berpandangan membaca Yāsin beramai-ramai di rumah arwah si mati sebagai satu majlis zikir dan tadarus untuk membetulkan dan melancarkan bacaan. Kesemua jawapan yang diberi menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat bahawa amalan bacaan surah Yāsin kepada si mati adalah baik dan tiada tegahan syarak terhadapnya. Ini menunjukkan kefahaman masyarakat yang baik tentang kebaikan majlis tersebut diadakan.

**Jadual 4.21 : Pendapat responden kenapakah majlis bacaan surah Yāsin harus dilakukan dan diteruskan.**

Hujah responden kenapakah majlis bacaan surah Yāsin harus diadakan.	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Sebagai sedekah pahala bacaan kepada si mati dan akan sampai kepadanya	53	53
Amalan yang dituntut agama	23	23
Galakan Rasulullah supaya surah Yāsin dibaca kepada orang yang meninggal dunia	9	9
Fadhilat surah Yāsin amat besar apabila dibaca	3	3
Majlis zikir dan tadarus	3	3
Tiada jawapan	9	9
<b>Jumlah</b>	<b>91</b>	<b>91</b>

Sumber : Soal selidik

**4.23 Hujah responden kenapakah majlis bacaan surah Yāsin kepada si mati tidak harus diadakan.**

Jadual 4.22 di bawah adalah jawapan yang ditulis oleh responden yang tidak bersetuju majlis bacaan surah Yāsin kepada si mati diadakan. Responden memberikan jawapan secara bertulis dan dirangkumkan oleh penulis bagi memudahkan proses analisis data. 1 peratus sahaja responden menjawab soalan yang dikemukakan. Alasannya ialah ia satu amalan bid'ah dan tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah, maka amalan tersebut tidak wajar dilakukan lantaran tiada manfaat dan tidak disuruh oleh baginda. Peratus yang kecil ini menunjukkan larangan mengadakan majlis bacaan surah Yāsin selepas kematian adalah satu pendapat yang janggal dan tidak dipegang oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

**Jadual 4.22 : Kenapakah majlis bacaan surah Yāsīn tidak harus diadakan.**

Hujah responden kenapakah majlis bacaan surah Yāsīn tidak harus diadakan.	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Ia amalan bid'ah tidak dilakukan oleh Rasulullah dan bacaan tersebut tidak sampai kepada si mati	1	1
Tiada jawapan	99	99
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.24 Bahagian D (Amalan membaca talqin selepas dikebumikan jenazah)**

Bahagian ini akan menjelaskan pula maklumat yang diperolehi daripada responden tentang amalan membaca talqin selepas dikebumikan jenazah di tanah perkuburan. Jadual 4.23 di bawah memberi maklumat bahawa 100 peratus responden menyatakan bahawa di tempat mereka memang diadakan bacaan talqin selepas pengkebumian jenazah. Ia menunjukkan bahawa amalan tersebut amat mahsyur bagi penduduk di Negeri Sembilan.

**Jadual 4.23 : Adakah diadakan bacaan talqin selepas dikebumikan jenazah?**

Adakah diadakan bacaan talqin selepas dikebumikan jenazah?	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Ya	100	100
Tidak	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### 4.25 Adakah pengamalannya meluas?

Jadual 4.24 di bawah menjelaskan pengamalan talkin yang meluas di Negeri Sembilan. 99 peratus responden menyatakan bahawa penamalannya amat meluas dan Cuma 1 peratus sahaja yang menyatakan tidak meluas. Ini menunjukkan bahawa amalan membaca talqin memang masyhur dan diamalkan secara meluas di Negeri Sembilan. Mungkin kerana ia telah lama diamalkan dan tiada larangan terhadap amalan tersebut menjadikan ia seakan amalan tetap selepas pengkebumian jenazah.

**Jadual 4.24 : Pengamalan talqin.**

<b>Adakah pengamalan talqin meluas di tempat anda?</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Meluas	99	99
Tidak meluas	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### 4.26 Hukum amalan talqin.

Jadual 4.25 memberi maklumat mengenai pandangan responden terhadap hukum membaca talqin selepas dikebumikan jenazah. 73 peratus responden berpendapat hukumnya adalah sunat, 22 peratus berpendapat ianya harus dan 5 peratus responden berpendapat hukum talqin ialah wajib. Tiada responden yang berpendapat ianya makruh atau haram. Semua responden yang menjawab soalan ini cenderung menyatakan amalan tersebut dibolehkan cuma perbezaan dari sudut meletakkan hukum bergantung kepada

pengetahuan responden. Peratus yang tinggi menyatakan hukumnya ialah sunat iaitu 73 peratus. Mungkin kerana hukum tersebut diketahui melalui pembacaan dan penjelasan dari tokoh agama yang mengajar di surau dan masjid di Negeri Sembilan. Ini adalah kerana keputusan fatwa daripada Jawatankuasa Syar'iyyah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan disebarluaskan secara meluas di semua masjid dan surau Negeri Sembilan. Responden yang menjawab hukumnya wajib dan harus mungkin kerana kurangnya pengetahuan terhadap hukum amalan talqin.

**Jadual 4.25 : Hukum amalan talqin.**

Apakah hukum membaca talqin selepas pengkebumian jenazah?	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Sunat	73	73
Harus	22	22
Wajib	5	5
Haram	0	0
Makruh	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

**4.27 Adakah amalan bacaan talqin diadakan berdasarkan hukum syarak, adat atau satu amalan bid'ah?**

Jadual 4.26 adalah jawapan yang diberikan oleh responden tentang sandaran hukum pengamalan talqin di tempat mereka. 78 peratus responden berpendapat bahawa amalan talqin dilakukan adalah berdasarkan hukum syarak kerana terdapatnya dalil yang membenarkan amalan tersebut. Ini menunjukkan pengetahuan responden yang baik terhadap hukum mengadakan majlis tahlil. Seperti kenyataan dalam perkara 4.26, hukum

bacaan talqin telah tersebar luas di kebanyakan masjid dan surau sekitar Negeri Sembilan menyebabkan ramai responden mengetahui sandaran hukum talqin dibacakan. 10 peratus responden berpandangan ianya adalah adat resam masyarakat dan 12 peratus responden tidak pasti atau tidak tahu apakah sandaran yang dipegang dalam membenarkan bacaan talqin. Mungkin kerana kurang pengetahuan dan jarang menghadiri majlis ilmu menyebabkan responden menjawab sedemikian. Tiada responden yang berpendapat ianya adalah haram dan dilarang agama. Peratus yang tinggi menunjukkan bahawa masyarakat benar-benar faham bahawa amalan talqin adalah satu suruhan agama, bukannya sekadar amalan biasa.

**Jadual 4.26 : Adakah bacaan talqin diadakan berdasarkan hukum syarak, adat atau satu amalan bid'ah?**

<b>Adakah bacaan talqin berdasarkan hukum syarak, adat atau amalan bid'ah?</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Hukum syarak	78	78
Adat resam masyarakat	10	10
Bid'ah	0	0
Tidak tahu / tidak pasti	12	12
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.28 Adakah anda bersetuju amalan talqin diteruskan?**

Jadual 4.27 menunjukkan peratusan responden yang bersetuju dan tidak bersetuju amalan talqin diteruskan. 99 peratus responden bersetuju amalan talqin diadakan dan 1 peratus responden menjawab tidak tahu atau tidak pasti. Ini membawa

kesimpulan bahawa amalan talqin ini memang wajar diteruskan kerana manfaat yang ada disebalik pengamalannya. Berdasarkan pengetahuan yang baik terhadap hukum bacaan talqin menyebabkan ramai responden bersetuju ianya diteruskan kerana syarak sendiri membenarkannya.

**Jadual 4.27 : Adakah anda bersetuju amalan talqin diteruskan?**

Adakah anda bersetuju amalan talqin diteruskan?	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Setuju	99	99
Tidak setuju	0	0
Tidak tahu / tidak pasti	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.29 Hujah dan pendapat kenapa bacaan talqin wajar dilakukan dan diteruskan.**

Jadual 4.28 adalah hujah yang diperolehi daripada responden tentang pandangan mereka kenapakah amalan talqin wajar dilakukan dan diteruskan selepas pengkebumian jenazah. Responden menulis jawapan secara bertulis dalam borang soal selidik yang diedarkan dan dirangkumkan sendiri oleh penulis berdasarkan jawapan yang diberikan. 39 peratus responden menyatakan amalan talqin wajar dilakukan sebagai peringatan dan manfaat kepada dua pihak iaitu si mati dan orang yang hidup. 33 peratus berpendapat ianya wajar kerana itu adalah amalan dan sunnah Rasulullah serta galakan dari para ulama. 20 peratus memberi pendapat, talqin lebih memberi manfaat kepada orang hidup yang berada di tanah perkuburan maka ia wajar diadakan. Hanya 8 peratus responden mengatakan talqin adalah peringatan kepada orang yang

meninggal dunia yang baru dikebumikan. Setiap jawapan yang diberikan ini membawa kesimpulan bahawa amalan membaca talqin di tanah perkuburan memang mendatangkan manfaat dan wajar diteruskan pengamalannya dalam masyarakat. Ini menunjukkan masyarakat Melayu Negeri Sembilan benar-benar memahami tujuan talqin dibacakan dan manfaat di sebalik pensyariatannya.

**Jadual 4.28 : Hujah dan pendapat bacaan talqin wajar dilakukan dan diteruskan.**

Hujah dan pendapat bacaan talqin wajar dilakukan dan diteruskan.	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Untuk memberi peringatan dan manfaat kepada orang yang hidup dan yang meninggal dunia	39	39
Sunnah dan amalan Rasulullah serta galakan dari para ulama	33	33
Untuk memberi keinsafan kepada mereka yang masih hidup	20	20
Peringatan kepada si mati yang dikebumikan	8	8
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal selidik*

#### **4.30 Hujah dan pendapat bacaan talqin tidak wajar dilakukan dan diteruskan.**

Jadual 4.29 adalah pendapat dari responden kenakah bacaan talqin tidak wajar dilakukan dan diteruskan. Jadual mencatatkan tiada responden yang menjawab soalan tersebut. Ini bermakna tiada responden yang bersetuju amalan talqin dihentikan dari terus diamalkan. Ini menunjukkan responden benar-benar memahami konsep dan hukum bacaan talqin. Mungkin penerangan yang diberikan oleh mereka yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal agama di Negeri Sembilan difahami dengan baik oleh anggota masyarakat.

**Jadual 4.29 : Hujah dan pendapat bacaan talqin tidak wajar diteruskan.**

Hujah dan pendapat kenapa bacaan talqin tidak wajar dilakukan dan diteruskan.	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Tiada jawapan	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.31 Bahagian E (Amalan ziarah kubur)**

Jadual 4.30 berkaitan peratus responden yang menziarahi kubur. 56 peratus responden menjawab selalu dan kerap menziarahi kubur manakala 44 peratus responden menyatakan pernah menziarahi kubur tetapi sekali sekala sahaja. Jadual menunjukkan semua responden pernah menziarahi tanah perkuburan dan bolehlah disimpulkan bahawa amalan ini telah sebatи dalam pengamalan masyarakat Negeri Sembilan.

**Jadual 4.30 : Kekerapan menziarahi kubur.**

Pernahkah anda menziarahi tanah perkuburan?	Bilangan responden	Peratus (%)
Pernah dan selalu	56	56
Pernah dan sekali sekala	44	44
Tidak pernah	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.32 Hukum menziarahi kubur.**

Jadual 4.31 di bawah adalah pandangan responden terhadap hukum menziarahi kubur. Soalan yang ditanya adalah untuk mengenalpasti kefahaman responden tentang hukum ziarah kubur yang mereka lakukan selama ini. 79 peratus responden berpendapat hukum ziarah kubur ialah sunat, 17 peratus menyatakan ianya harus dan 4 peratus responden menjawab wajib. Tiada responden yang beranggapan hukumnya haram dan makruh. Ini menunjukkan responden benar-benar memahami bahawa amalan ziarah kubur itu satu perbuatan mulia yang digalakkan dan dibenarkan dalam agama Islam. Mungkin penyampaian Islam yang berterusan daripada tokoh agama dan pembacaan yang meluas menyebabkan para responden mengetahui hukum menziarahi kubur. Jawapan yang berbeza dari kalangan responden mungkin berpunca dari pegangan yang berbeza tentang tujuan mereka menziarahi kubur.

**Jadual 4.31 : Hukum menziarahi kubur.**

<b>Hukum ziarah kubur</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Wajib	4	4
Sunat	79	79
Harus	17	17
Haram	0	0
Makruh	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal selidik*

#### **4.33 Hukum menziarahi kubur bagi kaum wanita.**

Jadual 4.32 ialah pandangan responden tentang hukum ziarah kubur bagi kaum wanita. Soalan ini diajukan adalah untuk mengetahui kefahaman responden tentang hukum wanita menziarahi tanah perkuburan kerana didapati ramai kaum wanita di Negeri Sembilan yang sering ke tanah perkuburan terutama ketika musim perayaan Aidilfitri dan Aidiladha. 66 peratus responden menjawab hukumnya harus. Ini menunjukkan responden bersetuju kaum wanita boleh menziarahi kubur dan ia bukanlah satu halangan. 27 peratus menjawab makruh mungkin kerana anggapan bahawa kaum wanita kurang kekuatan iman menyebabkan berlakunya perbuatan menangis di tanah perkuburan. 7 peratus menjawab sunat dan ini masih dalam lingkungan kebenaran kaum wanita menziarahi tanah perkuburan.. Tiada responden menjawab hukum ziarah kubur adalah haram dan wajib bagi kaum wanita.

**Jadual 4.32 : Hukum menziarahi kubur bagi kaum wanita.**

Hukum ziarah kubur bagi kaum wanita	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Harus	66	66
Makruh	27	27
Sunat	7	7
Haram	0	0
Wajib	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal selidik*

#### **4.34 Adakah amalan ziarah kubur meluas di tempat anda?**

Jadual 4.33 berkaitan dengan jawapan responden tentang meluas atau tidaknya amalan ziarah kubur di tempat mereka. 84 peratus responden menyatakan amalan ziarah kubur amat meluas dan hanya 16 peratus responden menyatakan amalan tersebut tidak meluas. Ini menunjukkan bahawa amalan ziarah kubur ini adalah kebiasaan masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

#### **Jadual 4.33 : Adakah amalan ziarah kubur meluas di tempat anda?**

<b>Adakah amalan ziarah kubur meluas di tempat anda</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Meluas	84	84
Tidak meluas	16	16
Tidak tahu / tidak pasti	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.35 Adakah amalan ziarah kubur berpandukan hukum syarak, adat atau ia satu perbuatan bid'ah?**

Jadual 4.34 pula maklumat yang diperolehi daripada responden berkaitan dengan pandangan mereka adakah amalan menziarahi kubur yang dilakukan oleh masyarakat Melayu hari ini satu perbuatan yang dibuat berdasarkan nas dan hukum syarak atau ianya adat semata-mata atau mungkin ada yang berpendapat ia satu perbuatan bid'ah. 85 peratus responden menyatakan ianya berdasarkan hukum syarak. Ini menunjukkan kefahaman yang baik di kalangan responden tentang amalan menziarahi

kubur adalah satu suruhan yang amat digalakkan oleh agama Islam. 10 peratus berpendapat ianya adat tradisi masyarakat. Mungkin responden hanya mengikut sahaja apa yang pernah diwarisi oleh golongan terdahulu kebetulan ia dilakukan oleh majoriti masyarakat setempat menyebabkan mereka menyangka amalan ziarah kubur adalah adat kebiasaan yang dilakukan sewaktu musim perayaan. 5 peratus responden menjawab tidak tahu atau tidak pasti sandaran amalan ziarah kubur. Ini memberi erti masih ada di kalangan responden mempunyai asas agama yang agak lemah kerana tidak pasti tentang galakan agama Islam supaya menziarahi kubur. Tiada responden menjawab ia satu perbuatan bid'ah. Secara keseluruhan, jadual menunjukkan tahap pengetahuan masyarakat yang agak baik dalam menilai amalan yang dilakukan oleh mereka sendiri.

**Jadual 4.34 : Adakah amalan ziarah kubur berpandukan hukum syarak, adat atau perbuatan bid'ah?**

<b>Adakah amalan ziarah kubur berpandukan hukum syarak, adat atau perbuatan bid'ah?</b>	<b>Bilangan responden (N)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Berpandukan hukum syarak	85	85
Adat semata-mata	10	10
Satu amalan bid'ah	0	0
Tidak tahu / tidak pasti	5	5
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal selidik*

#### **4.36 Tujuan menziarahi kubur**

Jadual 4.35 adalah hujah yang dinyatakan oleh responden tentang tujuan mereka menziarahi kubur. Responden menjawab secara bertulis dan disusun serta dikumpul oleh

penulis mengikut jawapan yang diberikan. 36 peratus responden menyebut bahawa tujuan mereka menziarahi kubur ialah untuk membaca ayat-ayat al-Quran dan mendoakan kesejahteraan si mati. 20 peratus responsen menziarahi kubur untuk mendatangkan perasaan insaf dalam diri dan cara untuk mengingati mati. 19 peratus responden menziarahi kubur sebagai tanda ingatan dan kasih sayang kepada mereka yang telah meninggal dunia. 9 peratus responden menziarahi kubur kerana ia satu amalan yang digalakkan oleh Rasulullah dan dituntut agama. 9 peratus menziarahi kubur kerana mengiringi jenazah ke tanah perkuburan. 7 peratus responden menziarahi kubur untuk membersihkan tanah perkuburan. Kesemua jawapan ini boleh diterima. Ia menggambarkan tujuan yang baik dan tahap kesedaran yang tinggi masyarakat Negeri Sembilan tentang kepentingan amalan menziarahi kubur. Tidak ada jawapan yang menunjukkan kejahaninan masyarakat terhadap tujuan mereka melakukan amalan tersebut.

**Jadual 4.35 : Tujuan menziarahi kubur**

Tujuan menziarahi kubur	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Membaca ayat-ayat al-Quran dan mendoakan kesejahteraan si mati	36	36
Untuk mendatangkan perasaan insaf dalam diri dan cara untuk mengingati mati	20	20
Tanda ingatan dan kasih sayang kepada mereka yang telah meninggal dunia.	19	19
Satu amalan yang digalakkan oleh Rasulullah dan dituntut agama	9	9
Mengiringi jenazah ke tanah perkuburan	9	9
Bersihkan tanah perkuburan	7	7
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Soal selidik

#### **4.37 Masa paling kerap menziarahi kubur.**

Jadual 4.36 adalah keterangan responden tentang masa yang paling kerap menziarahi kubur. 65 peratus responden menziarahi kubur tanpa menentukan masa yang tertentu. Ini menunjukkan tahap kesedaran yang baik masyarakat Negeri Sembilan. Mungkin kerana responden tinggal di kampung, kawasan kubur dekat dengan tempat kediaman dan sering lalu lalang di hadapan tanah perkuburan menyebabkan mereka mengambil kesempatan menziarahi kubur tanpa menetapkan waktu yang tertantu.<sup>18</sup> 18 peratus responden selalu menziarahi kubur sewaktu hari perayaan. 17 peratus responden mengambil kesempatan menziarahi kubur sewaktu mengiringi jenazah ke tanah perkuburan. Walaupun waktu menziarahi kubur berbeza-beza tetapi apa yang pasti amalan tersebut tetapi diamalkan dan menjadi salah satu amalan mulia masyarakat. Mungkin kerana kesibukan kerja menyebabkan responden jarang menziarahi kubur dan hanya dilakukan sewaktu musim perayaan dan sewaktu mengiringi jenazah ke tanah perkuburan untuk dikebumikan. Bagi yang menziarahi kubur hanya sewaktu musim perayaan, mungkin responden tinggal di kawasan bandar dan hanya pulang sewaktu musim perayaan dan kesempatan masa tersebut dimanfaatkan bersama ahli keluarga untuk melawat kubur kaum kerabat yang telah meninggal dunia. Jadual 4.36 memberi kesimpulan, amalan menziarahi kubur masih dipegang kuat masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

**Jadual 4.36 : Masa paling kerap menziarahi kubur**

Masa yang paling kerap menziarahi kubur	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Tanpa menentukan masa-masa yang tertentu	65	65
Sewaktu hari perayaan	18	18
Sewaktu mengiringi jenazah ke tanah perkuburan.	17	17
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal selidik*

- 4.38 Adakah anda bersetuju amalan ziarah kubur dikekalkan dan digalakkan kepada anggota masyarakat.**

Jadual 4.37 menunjukkan 100 peratus responden bersetuju amalan kubur dikekalkan dan digalakkan kepada anggota masyarakat. Ini menggambarkan rasa tanggungjawab dan sifat keprihatinan yang tinggi masyarakat tentang kemulian amalan menziarahi kubur. Melalui siri penerangan agama, ceramah dan kuliah serta meluasnya bahan bercetak berkaitan dengan amalan ini menambahkan lagi kefahaman masyarakat bahawa setiap pekerjaan mulia perlu diteruskan dan dipertahankan.

**Jadual 4.37 : Adakah anda bersetuju amalan ziarah kubur dikekalkan dan digalakkan kepada anggota masyarakat**

Adakah anda bersetuju amalan ziarah kubur dikekalkan dan digalakkan kepada anggota masyarakat	Bilangan responden (N)	Peratus (%)
Ya	100	100
Tidak	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>